

PERANAN ULAMA DALAM ERA GLOBALISASI¹

*Hj. Abdul Ghani Samsudin
Yang Dipertua
Persatuan Ulama' Malaysia*

Untuk menghuraikan peranan ulama' dalam konteks globalisasi tentulah memerlukan kefahaman yang mendalam tentang maksud termonologi perkataan berkenaan. Tanpa kefahaman yang saksama tentang perkara ini lakaran tentang peranan itu sendiri akan menjadi kabur dan mungkin menyimpang. Justeru al-Hukm 'ala-syai' far'un 'an Tasauwurihi. Penilaian tentang sesuatu fenomena atau perkara adalah unjuran dari kefahaman dan imaginasi tuntas tentang hakikatnya.

Memang sukar dinafikan bahawa dalam dekad-dekad yang akan datang proses globalisasi akan terus mencorakkan keadaan dunia. Kebanjiran maklumat, simpang-siur pemikiran, nilai budaya, modal antarabangsa yang mengalir dari benua ke benua, kebebasan pengangkutan, perpindahan penduduk dan penghuni dunia akan merubah banyak aspek dalam kehidupan manusia. Oleh kerana itu umat Islam perlu memahami gejala globalisasi ini dengan mendalam dan saksama.

Pengertian Globalisasi

Menurut Dr. Yusuf al-Qardhawi,

“ فالعولمة هي، إلى جانب كونها نظاما اقتصاديا، هي أيضا أيديولوجيا تعكس هذا النظام وتخدمه وتكرسه. وهناك من الكتاب من يقرن بينها وبين "الأمركة"، أي نشر وتعميم الطابع الأمريكي.²

Menurut beliau lagi,

وربما كان معنى العولمة في ظاهره يقترب من معنى (العالمية) الذي جاء به الإسلام، وأكدته القرآن في سورة المكية، مثل قوله تعالى: {وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين} (الأنبياء:107)،

¹ Disampaikan sempena Ceramah Sempena Rumah Terbuka Madrasah, Haflah Maulidur Rasul Saw Dan Penyampaian Hadiah di Madrasah Al-Juneid, Singapura

² <http://www.balagh.com/islam/z003zncl.htm>

{تبارك الذي نزل الفرقان على عبده ليكون للعالمين نذيراً} (الفرقان:1)، {إن هو إلا ذكر للعالمين. ولتعلمن نبأه بعد حين} (ص: 87،88).
ولكن هناك في الواقع فرق كبير بين مضمون (العالمية) الذي جاء به الإسلام، ومضمون (العولمة) التي يدعو إليها اليوم الغرب عامة، وأمريكا خاصة.
فالعالمية في الإسلام تقوم على أساس تكريم بني آدم جميعاً {ولقد كرّمنا بني آدم} (الإسراء: 70)، فقد استخلفهم الله في الأرض، وسخر لهم ما في السماوات وما في الأرض جميعاً منه. وكذلك على أساس المساواة بين الناس في أصل الكرامة الإنسانية، وفي أصل التكليف والمسؤولية، وأنهم جميعاً شركاء في العبودية لله تعالى، وفي البنوة لآدم، كما قال الرسول الكريم أمام الجموع الحاشدة في حجة الوداع: "يا أيها الناس، ألا إن ربكم واحد وإن أباكم واحد، ألا لا فضل لعربي على أعجمي ولا أعجمي على عربي ولا لأحمر على أسود ولا أسود على أحمر، إلا بالتقوى..." [2]
وهو بهذا يؤكد ما قرره القرآن في خطابه للناس كل الناس: {يا أيها الناس إنا خلقناكم من ذكر وأنثى وجعلناكم شعوباً وقبائل لتعارفوا إن أكرمكم عند الله أتقاكم} (الحجرات. 3

Dalam Laporan Human Development Report 1999 yang bertajuk : *Globalization With Human Face* dinyatakan bahawa :

Global markets, global technology, global ideas and global solidarity can enrich the lives of people everywhere. The challenge is to ensure that the benefits are shared equitably and that this increasing interdependence works for people—not just for profits. This year’s Report argues that globalization is not new, but that the present era of globalization, driven by competitive global markets, is outpacing the governance of markets and the repercussions on people. Characterized by “shrinking space, shrinking time and disappearing borders”, globalization has swung open the door to opportunities. Breakthroughs in communications technologies and biotechnology, if directed for the needs of people, can bring advances for all of humankind. But markets can go too far and squeeze the non-market activities so vital for human development. Fiscal squeezes are constraining the provision of social services. A time squeeze is reducing the supply and quality of caring labour. And an incentive squeeze is harming the environment. Globalization is also increasing human insecurity as the spread of global crime, disease and financial volatility outpaces actions to tackle them⁴.

Jam’iyah al-Islah al-Ijtima’i Kuwait menegaskan globalisasi sebagai:

³ ibid. hal 1

⁴ <http://www.undp.org/hdro/99.htm>

ذلك المخطط الرهيب الخطير الذي انشأه الغرب حيث يهدف إلى كسر جميع الحدود بين شعوب ودول العالم, انها مرادف لمادعت اليه من قبل الماسونية, ومازال يدعو إليه ما يسمى بالنظام العالمي الجديد من محاولة لطمس هوية كل أديان العالم , وأفكار الشعوب , ومعتقداتها لتصبح موثيق الأمم المتحدة التي صاغها الغرب وفكر فيها , وخاصة في المجالين الاقتصادي والاجتماعي , هي الدين الجديد لذي يفرض على العالم كله⁵.

“Suatu perencanaan hebat dan berbahaya yang dilakarkan oleh Barat untuk meniadakan batasan (geografi) antara bangsa dan negara-negara di dunia ini. Ia adalah sinonim dengan seruan gerakan Freemason masa dulu dan kini yang dipanggil sebagai New World Order; sebagai percubaan untuk membenamkan identiti seluruh agama-agama di dunia, pemikiran bangsa-bangsa serta keyakinan mereka, agar digantikan dengan segala piagam PBB seperti yang dilakarkan oleh Barat dalam bidang ekonomi dan sosial sebagai agama baru yang dipaksakan kepada penduduk dunia seluruhnya”

Globalisasi dianggap sebagai suatu perencanaan menggunakan keunggulan teknologi, undang-undang antarabangsa, pengaruh modal atau kewangan yang raksasa untuk memenangkan kepentingan negara besar dan kuat serta memperbudak bangsa-bangsa yang lemah, mengikis sumber kekayaan mereka, melemahkan daya tahan, menghalang pembangunan mereka, menukar jatidiri serta menumpaskan gerakan kebangkitan dan reformasi di kalangan mereka.

Globalisasi mempunyai pelbagai dimensi; ekonomi, budaya, teknologi, sosial, dan lain-lain. Dalam bidang ekonomi, misalnya; mekanismenya termasuklah Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia, Protokol Tariff Perdagangan Antarabangsa dan lain-lain. Agenda mereka antara lain memperluas sistem ekonomi yang berasaskan riba. Memungkinkan penguasaan sistem ini dalam sistem ekonomi nasional, mengikat perekonomian negara mundur dengan mekanisme ekonomi negara kapitalis. Memastikan syarikat-syarikat besar tertentu menguasai arah alir ekonomi dalam negara berkenaan. Menenggelamkan negara-negara yang berpotensi menjadi lawan politik dengan beban hutang yang kian bertambah-tambah sehingga ia tidak mampu lagi bersaing dengan negara-negara kaya. Dengan demikian negara tersebut mudah diarah dan menurut telunjuk negara berkuasa besar.

Globalisasi budaya berperanan membentuk cara berfikir, tatakelakuan dan gaya hidup yang sejajar dengan cara hidup Barat. Pola hidup liberal dan bebas dianggap pola hidup yang paling

⁵ Jam'iah al-Islah al-Ijtima'I, “al-‘Aulamah Fi Mizan al-Islam.” Kuwait 2001, halaman 9

bertamadun. Pola hidup ini hendak dipaksakan kepada negara-negara dan bangsa dunia ketiga. Melalui sidang dan rumusan konferensi antarabangsa mereka mahu mengharuskan perhubungan seks sebelum berumahtangga, menghalalkan pengguguran di samping memberi penghormatan kepada golongan mak nyah atau golongan homoseksual. Mereka mahu menghalalkan atau memudahkan perzinaan berlaku dalam masyarakat, merubah pengertian dan struktur keluarga sehingga merangkumi bentuk dan struktur yang diharamkan oleh syara'. Melalui media, jentera pendidikan mereka memomokkan masyarakat terhadap agama agar terbentuk ketakutan dan kebencian terhadap agamawan dan simbol-simbol agama. Dengan demikian, meratalah bentuk sikap dan budaya warga dunia yang bersifat anti agama dan sekular.

Globalisasi Politik pula adalah bentuk atau dimensi globalisasi yang bertujuan memaksakan pelaksanaan sistem politik Barat kepada negara-negara lain. Walaupun demokrasi - dalam batas yang bersesuaian dengan tuntutan agama serta memenuhi kehendak rakyat - memang diperlukan dan menjadi asas perjuangan namun itu tidak bermakna kita akur kepada keseluruhan sistem liberal dan politik yang dijalankan di Barat. Kita yakin kaedah hidup bermuafakat, *syura* dan sebagainya adalah kaedah warisan dan nilai peradaban Islam yang unggul tetap relevan dengan kehidupan manusia yang bertamadun masa kini. Usaha untuk menafikan sistem *judiciary* Islam atau tempatan yang baik – umpamanya - adalah suatu bentuk penjajahan yang baru yang patut ditolak.

Dalam konteks ini ada baiknya kita sedut resolusi Seminar *Strategi Penyelesaian Islam Di Ambang Alaf Ketiga* yang bertemakan “Jati Diri Menghadapi Globalisasi” yang telah diadakan di Kuwait (1999) yang menyebutkan bahawa:

Menyedari hakikat globalisasi ialah seruan ke arah melepaskan diri dari ikatan yang bersifat terhad, tempatan, kebangsaan, puak dan sebagainya kepada suatu ikatan atau belonging yang lebih luas dalam aspek pemikiran, budaya, politik, ekonomi, dan undang-undang. Atau seperti yang diungkapkan oleh setengah pihak sebagai suatu gerakan multinational Corporations yang aktif, bebas dan pantas; samada bersifat kewangan, perdagangan mahupun maklumat maka ia adalah suatu proses yang sukar dielak oleh mana-mana pihak atau bangsa. Oleh itu tugas menghadapinya hendaklah dibuat secara menyeluruh dalam semua lapangan.⁶

⁶ ibid:43

Web Islam Online & News Agencies pada 30 May dengan tajuk berita “**Amnesty International Criticizes Globalization Effects**” melaporkan:

In its annual report released Wednesday, Amnesty International denounced the detrimental effects of globalization, without questioning the desirability of globalization itself.

The report, coinciding with the organization's 40th anniversary, said that "Globalization ... has been accompanied by growing wealth for some, but destitution and despair for many," quoting the organization's secretary general, Pierre Sane of Senegal.

The report said more than 80 countries had a lower per capita income in 2000 than they had in 1990, and that, "at least 1.3 billion people struggle to survive on less than a dollar a day."

"Deregulation, privatization and the dismantling of social welfare provision have led to widening inequalities in many countries," it said.

Web tersebut melaporkan lagi:

The predictable and almost inevitable consequence of this growth in poverty has been a parallel escalation in violations of all human rights."

Amnesty acknowledged its own "relative neglect of economic, social and cultural rights" and said it had "taken steps to address these rights more directly in its own work."

"In a world where globalization is undermining many nation states and bringing poverty to the forefront of the human rights agenda, the challenge for AI is to remain relevant..."⁷

Menurut pandangan pakar politik antarabangsa, globalisasi ekonomi, budaya dan politik berpunca daripada perubahan struktur perhubungan antarabangsa. Struktur lama dalam perhubungan antarabangsa yang hanya berpaksikan kepada dua kuasa besar telah berubah kepada satu konsep baru yang dipanggil “*Kepelbagaian Pemusatan*” atau “*Multi-Cultural*”. Kesan daripada perubahan sistem-sistem ini menyaksikan tiga perubahan besar dalam struktur perhubungan antarabangsa. Pertama, perubahan dalam aspek penglibatan, badan-badan atau institusi-institusi

⁷ <http://www.islam-online.net/english/News/2001-05/31/article1.shtml>

bukan kerajaan memainkan peranan yang lebih penting daripada badan kerajaan. Kedua, perubahan dari segi peraturan-peraturan persaingan, di mana persaingan sudah tidak bersifat tertutup. Ketiga, perubahan dari segi persaingan itu sendiri, di mana matlamat penyaingan dalam arena antarabangsa tidak lagi hanya bersifat menghapuskan persaingan, sebaliknya ia bersifat kerjasama dan saling-bersaing antara satu sama lain.

Menurut Fathi Yakan, globalisasi ialah suatu proses menerima pakai sesuatu yang bersifat antarabangsa: baik dari sudut budaya, sosial, ekonomi mahupun dari sudut politik. Kadang-kadang ia bermaksud pensejagatan segala perkara, meskipun melalui kekerasan dan tidak melalui proses bertahap.

Globalisasi dalam definisi yang lain ialah suatu gerakan bebas, aktif dan pantas oleh korporat multi-nasional; baik dalam bidang kewangan, perdagangan mahupun dalam bidang maklumat.

Dari perspektif ekonomi, ia bermakna pengurusan kapital atau modal yang bersifat sejagat di bawah hegemoni sistem dunia unipolar, iaitu kuasa yang menyeluruh menguasai terhadap isi dunia seluruhnya, baik individu, pemikiran, maklumat, kewangan, institusi, pola kelakuan, perkhidmatan ataupun pengeluaran.

Dari sudut maklumat, globalisasi bermakna kebanjiran sistem teknologi canggih, dan pengaliran maklumat tanpa memperdulikan kerajaan dan perlembagaan negara bahkan perundangan juga. Ia gejala birokrasi tidak bernasionaliti, jatidiri dan tidak memerlukan visa.

Globalisasi, merupakan istilah yang muluk pada zahirnya tapi batinnya menjanjikan seribu satu penderitaan. Persis seperti istilah penswastaan, copratization, modernization, zionization dan hinggalah kepada satanization.

Wahana dan Alat Globalisasi

Proses dan fenomena globalisasi mempunyai berbagai wahana dan alat pemangkin yang moden dan canggih. Dari sudut komunikasi ia menggunakan internet, berbagai jenis telefon yang diam dan bergerak, teleks, dan faks. Dari sudut penyiaran ia menggunakan TV tempatan dan TV satelit, radio biasa dan radio internet, media cetak dan online, majalah dan agensi berita. Dari sudut

pendidikan pengaruh globalisasi melalui institusi dan universiti, pusat penyelidikan dan maklumat. Dari sudut pengangkutan; menggunakan pengangkutan udara (untuk membawa penumpang, pelancong dan barangan), kapal laut dan lori.

Dalam bidang mal mereka menggunakan bank-bank antarabangsa, tabung kewangan antarabangsa, industri mega, dan korporat raksasa multinasional, syarikat insuran perdagangan keji, perniagaan kanak-kanak, pembersihan untung haram, penanaman dan penjualan ganja. Manakala dalam konteks keamanan pula penaja globalisasi menggunakan jentera perisikan tempatan, perisikan serantau dan sedunia.

Manhaj dan Matlamat Globalisasi.

Terdapat tiga sumber kekuatan asas yang berkesan dan sangat berpengaruh secara global, meskipun agak berbeda iaitu:

- a) Kuasa kapitalisme yang diwakili oleh Amerika. Kuasa ini merancang untuk meng*americanize* masyarakat dunia dan mengglobalisasikan fahaman berkenaan.
- b) Zionisme; yang diwakili oleh kuasa lobi yahudi. Kuasa ini merancang untuk mencorakkan era yang dipanggil era Israel dan mengglobalisasikan zionisme.
- c) Kuasa Islam; yang diwakili oleh dunia Islam secara umum. Kuasa ini merancang untuk menampilkan era Islam melalui Islamization.

Untuk lebih jelas, kita perincikan kuasa di balik tabir globalisasi sebagai berikut:

Kuasa Globalisasi Amerika (Kapitalisme)

Globalisasi jenis ini merancang untuk menobatkan bentuk amalan hidup ala Amerika ke seluruh negara dan bangsa-bangsa di dunia. Ia bertujuan untuk menguasai dan memantau ekonomi, politik, budaya, pemikiran dan kelakuan. Kata Sadiq Jalal al-‘Azam; seorang pemikir Syria:

‘Ia adalah dekad peralihan manusia seluruhnya kepada gaya hidup kapitalisme yang tuntas dibawah kekuasaan negara induk yang berpusat dan kepimpinannya; dalam lembayung dan kedaulatan sistem transaksi dunia yang tidak setara.’

Proses Americanisasi melaksanakan perencanaan globalnya dengan menggunakan syarikat gergasi multinasional, institusi kewangan, tabung matawang antarabangsa, agensi PBB yang bergerak dalam lapangan pembangunan dan kebudayaan, pelbagai wahana informasi, jentera perisikan dan lain-lain seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

Contoh Globalisasi Amerikanisasi

Pada suatu masa dahulu lumrah ungkapan kata-kata hikmat bahawa “manusia itu adalah putra meliunya”. Tapi kini kata-kata hikmat ini telah berubah kepada, manusia adalah anak atau putra meliu internasionalnya. Meliu atau persekitaran inilah yang membentuk dan mencanai perwatakannya; samada lebih atau kurang dalam mana-mana sifat atau sikap Pengaruh ini kadangkadangkang menghapuskan jatidiri dan traits peribadi warisan datuk nenek mereka.

Kesan dan pengaruh globalisasi Amerika ini ternyata begitu mendalam dan meluas dalam berbagai bidang..

Dalam bidang busana atau gaya pakaian umpamanya kita dapati antara jenama pakaian yang terkenal di mana ratusan rumaah-rumah fesyen berlumba-lumba menghasilkannya. Antaranya ialah Pier Cardin, F.Saint Lawrence, Cocoproco dan lain-lain. Ini tidak termasuk style seluar jenama jeans dan lain-lain. Pakaian ini diperagakan oleh ratusan pragawati dan kebanyakan mereka terdiri dari kalangan pelacur dan mereka yang telah rosak akhlak.

Dalam bidang makanan dan minuman pula, globalisasi ini menampilkan pelbagai jenama. Antara jenama makanan yang hampir menyeluruh boleh didapati dalam mana-mana bandar di dunia ialah Pizza Hurt, Kentucky Fried Chicken, Mc Donald, Hamburger dan lain-lain. Minuman seperti Pepsi Cola, Coca-Cola, Seven Up dan lain-lain juga menjadi pujaan.

Dalam bidang wangi-wangian, bahan solek serta pelbagai alat untuk merubah ciptaan Allah terdapat jenama Christian Dion, Kareal, Lacost dan Cartear.

Bagi rokok pula selalu di war-warkan tentang rokok bercita rasa Amerika; sepertimana yang di tampilkan dalam iklan-iklan rokok. Iklan-iklan ini bagaikan penampilan racun bersalut madu.

Dalam konteks potongan rambut, style bercukur dan gaya rambut pula kita diketengahkan dengan style Hajjies, Marinez, Punk dan lain-lain.

Globalisasi ala Amerika juga boleh dirasakan dalam bidang pembuatan filem porno, jenayah, fiksyen dan khayalan yang biasanya diterbitkan dan diungguli penerbitannya oleh syarikat-syarikat perfileman Hollywood yang profesional.

Kesan pengaruh yang serupa dapat dilihat dalam bidang pengkristianan dan taktik menasranikan mangsa. Cara gayanya bersifat global seperti yang berlaku dalam pelbagai negara Asia dan Afrika. Golongan yang mengeksploit kemiskinan dan kesusahan penduduk pribumi untuk memurtadkan mereka.

Pengaruh globalisasi ala Amerika ini ketara dalam bidang muzik, nyanyian, dancing dan sebagainya. Kesannya ia telah berjaya menghasilkan generasi yang menjadikan Michael Jackson, Madonna, George Michael dan lain-lain sebagai idola mereka.

Hal ini juga dapat dilihat dalam lapangan sukan; dimana orang ramai sibuk bertaruh tentang team mana yang akan menang dan sebagainya. Dengan cara itu mereka mula menghadapi masalah kelunturan jati diri.

Pengaruh ini juga dapat dilihat dalam percetusan krisis perang saudara, ethnic cleansing dan perubahan demografi atau komposisi kependudukan (kes Bosnia Herzegovina dan Kosova dan lain-lain).

Pengaruh globalisasi ini juga dapat dirasakan dalam meledaknya krisis ekonomi yang menjalar dan menyalakan krisis politik, kewangan, dan masuk campur kuasa besar terhadap krisis dalaman negara membangun. Ia turut mencetuskan krisis keamanan sampingan, dan merebaknya politik pembunuhan misteri dan rampasan kuasa (kes Indonesia, Malaysia dan Lebanon).

Lebih jauh globalisasi ini juga dapat kita rasakan dalam rongrongan yang gencar terhadap asas struktur sosio-politik. Iaitu negara melalui dasar divide and rule yang diamalkan oleh Henry Kissinger yang diikuti pula oleh W.Christopher selepas beliau menjawat jawatan menteri luar Amerika Syarikat.

Globalisasi Zionist

Trend ini bergerak untuk mengukuhkan kedudukan Yahudi Dengan cara itu mereka dapat memulas kendali dunia; baik dalam aspek budaya mahupun ekonomi. Umpamanya melalui campurtangan langsung terhadap pasaran saham antarabangsa dan memiliki syarikat terbesar dunia seperti Rockefeller dan lain-lain.

Sebenarnya beberapa pasal dalam Protocol of the Oldest Zionist menegaskan terang-terang tentang keperluan menzionistkan matawang dunia.

Pasal 15 menegaskan: “Dolar wajib menjadi matawang dunia dalam masa seratus tahun akan datang.” Memang tidak ada keraguan lagi bahawa dolar adalah hasil ciptaan Yahudi. Walaupun pada zahirnya nampak seperti produk Amerika tapi adalah kerja mereka. Perkara ini memang jelas dan dari situ Yahudi menguasai masa depan dunia.

Pasal 20 dalam Protokol itu mengatakan: “Sesungguhnya melalui pengusahaan kita terhadap kekayaan dunia, melalui penguasaan saham-saham utama, dan bond-bond akan memaksa kerajaan (asing) memohon pinjaman daripada kita .”

Zionisasi sosial dan budaya disebutkan oleh pasal 10 protokol Zionist sebagai berikut: “Melalui kelihaihan dan permainan kita, dunia akan kita dorong ke puncak perpecahan dan dekadensi. Sehingga mereka merelai kita menjadi suatu kuasa pemerintah yang dapat mewujudkan kesatuan antara kita (Yahudi), menghapuskan baatasan antara negara, identiti kaum dan agama.”

Contoh Globalisasi Zionist

Kerosakan yang ditinggalkan oleh globalisasi bentuk ini amat besar dan mendalam dalam pelbagai kolompok masyarakat..

Penaja globalisasi Yahudi inilah di balik penyebaran pemikiran mulhid dan falsafah sekular. Mereka juga dalang pengasas dan pemaju kelab menyembah syaitan yang ada dunia ini. Mereka penyangak di sebalik kejatuhan matawang dan ekonomi serta kerja pemiskinan yang berencana terhadap bangsa dan negara-negara di dunia.

Mereka sindiket yang membela pelacur, mereka mafia pedagang hamba kulit putih, peniaga kanak-kanak dan pengedar ganja .Golongan inilah pembuat utama filem-filem lucu, majalah porno dan alat-alat persundalan. Contohnya, ialah mereka menggalakkan pihak berkuasa Palestin di “Ariha” untuk mendirikan Casino iaitu Casino Wahah. Mereka juga pemberi nama bandar ini sebagai Bandar Noda. Casino tersebut sengaja dibina di atas tanah wakaf Islam oleh keluarga al-Husaini. Anehnya Israel tidak mahu casino didirikan di kawasan bandar mereka; justeru ajaran Yahudi melarang permainan judi di tanah air mereka. Sebab itulah mereka mendirikan kilang phosphat di kawasan berhampiran dengan mereka. Sebaliknya pihak berkuasa Palestin menyediakan 250 buah mesin judi untuk hiburan.

Mereka juga penggerak utama kepada krisis dalaman, perang saudara, pertembungan etnik atau golongan, perkelahian antara mazhab dan peperangan antara puak. Seperti yang berlaku di Bosnia Herzagovina, Chechnya , Sudan, Kashmir, Somalia, Eriteria, Uganda dan lan-lain.

Mereka juga pemilik atau pemegang saham besar bagi syarikat pengangkutan, penghantaran dan insuran bertaraf dunia seperti Lyod’s dan sebagainya.

Dr. Yusuf al-Qardawi pula menyetakan pendirian beliau dengan mengatakan bahawa “*kita tidak boleh lari menjauhi globalisasi dan kita tidak akan mampu menolaknya. Sebaliknya, kita juga tidak boleh menerima apa adanya, atau patuh kepadanya dengan mengatakan: Sami’na wa Atha’na (kami dengar dan kami patuh!)*).

Globalisasi dan Doktrin Bush

Bentuk dan makna globalisasi diperincikan lagi bagi dasar baru Bush yang menegaskan tentang,

1. Kepimpinan global Amerika yang aktif
2. Dasar mengubah regim pemerintah negara lain yang dianggap engkar dan jahat.
3. Galakan pelaksanaan prinsip demokrasi liberal khasnya di dunia islam.⁸

Dasar ini mengandungi tindakan *Pre-emptive strike* yang banyak menimbulkan tentangan dari pelbagai pihak. Menurut Byers. The Bush doctrine was clearly illegal. Howard Dean yang akan bertanding sebagai calon Presiden Amerika menegaskan:

⁸ <http://www.newamericancentury.org/bushdoctrine-013002.htm>

Too much is at stake. We have taken decades of consensus on the conduct of foreign policy – bipartisan consensus in the United States and consensus among our allies in the world community – and turned it on its head. It could well take decades to repair the damage this President and his cohort of right-wing ideological advisors have done to our standing in the international community.

Theirs is a radical view of our role in the world. The President who campaigned on a platform of a humble foreign policy has instead begun implementing a foreign policy characterized by dominance, arrogance and intimidation. The tidal wave of support and goodwill that engulfed us after the tragedy of 9/11 has dried up and been replaced by undercurrents of distrust, skepticism and hostility by many who had been among our closest allies. This unilateral approach to foreign policy is a disaster.⁹

Beliau menegaskan lagi:

America became America by rebelling against imperial power.

America emerged from isolation to greatness by beating fascist power.

America became synonymous with justice by supporting independence for colonies from an imperial world.

America's ideals triumphed when it confronted communism to the point of extinction.

America is not Rome. We do not dream of empire. We dream of liberty for all.¹⁰

Beliau menampilkan kepada rakyat Amerika alternatif kepemimpinan baru yang berbeda dengan G.W. Bush yang tidak mementingkan PBB dan suka bertindak secara unilaterale.

Terdapat tiga pendirian utama dalam menghadapi gejala dan perkembangan ini:

1. Pendirian Liberalisme Baru

Pendirian ini menyeru umat dan masyarakat agar meleburkan diri dalam proses ini atas andaian ia adalah fenomena positif yang semua orang tidak dapat menghindarkan diri daripadanya. Pandangan ini disokong kuat oleh Thomas Friedman. Beliau berpendapat globalisasi ia tata baru dunia bersandar kepada sifat saling compliment antara kapital, teknologi dan informasi yang melampaui perbatasan negara bangsa sehingga melahirkan satu pasaran utama dunia. Globalisasi

⁹ <http://www.commondreams.org/views03/0417-07.htm>

¹⁰ <http://www.deanforamerica.com/site/News2?page=NewsArticle&id=6456>

lahir secara bersahaja hasil dari revolusi industri gelombang ketiga dan perkembangan teknologi. Ia bukan mutlak didorong oleh mana-mana negara. Mana-mana negara yang ingin maju perlu menyertainya. Jika tidak mereka akan ketinggalan dan ditindas oleh kuasa global. Aliran ini disokong oleh beberapa pemimpin liberal muslim seperti Islam Karimou dari Uzbekistan.

2. Aliran Menentang dan Mengkritik Globalisasi atas Sifatnya Sebagai Imperialisme Baru

Aliran ini disertai oleh berbagai aliran atau School of Thought baik politik mahupun NGO'S dari berbagai agama dan bangsa. Mereka mengkritik globalisasi dengan menekankan kesan negatifnya. Mereka menyelar sikap kuasa global yang mengabaikan kesan sosial terhadap globalisasi ekonomi. Aliran ini tampil dengan jelas di Seattle Amerika Syarikat baru-baru ini dalam menentang persidangan perdagangansedunia yang berlangsung pada November 1999. aliran ini disokong oleh ahli fikir dan penuli seperti Mohd Ammanah Jamal al-Banna dan lain-lain. Mereka menganggap globalisasi sinonim dengan hegemoni Barat.

3. Aliran Yang Menyarankan "Interaksi Terpilih".

Aliran ini menyarankan agar diikuti strategi pelbagai peringkat untuk berinteraksi dengan globalisasi dan secara perlahan-lahan mengadakan rundingan dengan berbagai kuasa global untuk memperbaiki syarat-syarat penglibatan dan meraih status saling berkerjasama serantau antara negara-negara islam untuk mengukuhkan kedudukan dalam perbincangan disidang globalisasi.

Menurut Dr Mohd al-Said Salim, *"pilihan ini lebih realistik bagi negara-negara Islam yang mahu melayari secara positif dengan gejala globalisasi untuk menyelami hakikatnya, mengekang kerugian yang dijangka serta meraih sebesar keuntungan yang boleh. Negara-negara Islam tidak mempunyai cukup kekayaan untuk menolak mutlak gejala in meskipun mereka menanggapi globalisasi dengan sikap sinis dan negatif."*¹¹

Pensyarah Kursus Hubungan International di Universiti Kaherah itu mencadangkan agar negara Islam mempunyai strategi berserampang dalam menangani:

- a. Globalisasi Ekonomi
- b. Glibalisaso Politik dan Keamanan

¹¹ "Thalatah Ru'a Lil Aulamah"
<http://www.Islamonline.net/arabic/mafahem/2003/03/article01-2shtml>

c. Globalisasi Budaya

- a. Dalam konteks globalisasi ekonomi; diperingkat negara umat Islam, beliau mencadangkan agar setiap negara mempunyai rancangan nasional membasmi buta huruf, meningkat kualiti dan keupayaan institusi pendidikan dan penyelidikan. Mengembangkan budaya celik komputer dan yang lebih penting memulakan pembangunan industri – teknologi dengan penekanan pemindahan teknologi dan pengeluaran.

Dalam konteks hubungan antarabangsa negara islam terdapat empat bidang penting untuk mereka berkerjasama dan menangani gejala globalisasi melalui pembebasan perdagangan, pemindahan teknologi, hak milik intelektual dan institusi ekonomi serantau.

- b. Mengenai strategi menghadapi globalisasi politik dan keamanan beliau mencadangkan bahawa di peringkat dalam negara umat Islam perlulah diperkasa pembangunan institusi masyarakat madani yang melibatkan partisipasi orang ramai dan rakyat agar wujud kemantapan dalaman menghadapi campurtangan asing dan mewujudkan iklim yang sihat bagi perkembangan dan pertumbuhan negara. Ini bermakna menghormati dasar berbilang parti, berbilang bangsa, dan bahasa.

Dalam peringkat antara negara Islam wajar diajukan wawasan dan model dasar keamanan politik Islam alternatif bersama. Selaras dengan itu OIC perlu digerakkan untuk menangani konflik antara negara-negara Islam untuk memelihara keamanan bersama. Selain dari itu perlu juga dibina Mahkamah Keadilan Antarabangsa Islam untuk mengatur prosedur penyelesaian konflik dalaman dan luaran.

Dalam kontek hubungan negara Islam dan negara-negara selatan kerjasama dan rangka kerja keamanan dan politik wajar dirumus agar negara-negara serantau boleh menghadapi tekanan kuasa besar globalisasi.

Mengenai hubungan dengan negara kuasa besar yang mendefinisikan tujuh arah operasi keamanan global pilihan negara umat Islam agak terbatas. Namun negara-negara umat Islam perlu terlibat sekurang-kurangnya dalam dialog Eropah, NATO, ASEAN dan sebagainya untuk menampilkan perspektif mereka.

- c. Berhubung dengan globalisasi budaya maka diperingkat dalam negara umat Islam perlulah dibangun rupa budaya nasional setiap negara. Antaranya merangkum projek membasmi buta huruf, meningkatkan kualiti pendidikan, menggalakkan dialog untuk menjana kesepakatan umum dalam hal-hal berkenaan di samping mengaktifkan institusi masyarakat madani untuk melindungi jati diri dan asas budaya nasional.

Bagi negara umat Islam yang mempunyai warga negara yang beragam; muslim dan bukan Islam maka batas dan kaedah hubungan antara agama yang sihat perlu dirintis untuk menjana kesepakatan. Begitu juga tentang pelaksanaan undang-undang dan dasar Islam yang bijaksana serta dapat mengelakkan konflik yang kadang-kadang sengaja dicitus oleh pihak asing untuk memecahbelahkan perpaduan dalaman.

Dalam masa yang sama diperingkat hubungan antara negara-negara umat Islam perlu diadakan siri dialog agama, budaya dan peradaban untuk menyelesaikan isu-isu yang menjadi tajuk pertikaian. Isu mazhab Sunni Syiah dan sebagainya supaya negara Islam lebih berpadu dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Setelah kita membincangkan maksud globalisasi ada baiknya kita meninjau apakah yang wajar menjadi peranan alim ulama' dalam konteks ini.

Peranan Ulama'

1. Memahami secara mendalam pengertian terminologi yang berkaitan dengan politik antarabangsa, serantau dan peringkat nasional seperti, globalisasi, neo-kolonialisme atau imperialisme dan skala pengaruh gerakan tersebut terhadap akidah, budaya, pendidikan, politik dan ekonomi umat. Tanpa kefahaman yang mendalam menyebabkan segala usaha kita menghadapi cabaran ini akan gagal atau kurang berkesan. Untuk itu mereka wajar menjadi warga dunia yang serba interconnected, paling hampir dengan sumber maklumat terkini dan menguasai kaedah berkomunikasi secara bistari dan mutakhir.

Dengan kefahaman yang meluas tentang kuasa negara *super power*, kita mungkin mempengaruhi arah dan arus politik luar negara itu untuk meraih suatu kadar pencapaian tertentu untuk menghalang kebangkitan golongan panas baran dan pewaris ciri-ciri *neo-imperialist* terus berkuasa dinegara adijagat tersebut.

2. Dalam konteks globalisasi ekonomi golongan alim ulama wajar merumuskan dasar-dasar ekonomi yang lebih adil, *Islamic* dan melindungi nilai-nilai moral dan kemanusiaan. Mereka mungkin boleh menyakinkan umat dan orang ramai tentang keburukan ekonomi yang berteraskan dasar kapitalis totok, faham kebendaan dan semangat lintah darat yang menafikan hak orang lain.

3. Dalam masa yang sama mereka mungkin boleh mendorong kepada kewujudan badan koperasi institusi kewangan, syarikat dan perusahaan yang berlandaskan ekonomi Islam atau dasar ekonomi yang lebih berperikemanusiaan dari yang ada sekarang.
4. Para alim ulama perlu meluruskan persepsi umum tentang kebenaran, keadilan dan kebaikan penyelesaian Islam dalam bidang politik dan keamanan seperti mana yang telah terbukti dalam sejarah kegemilangan peradaban Islam berkurun. Mereka perlu mendedahkan penipuan dan konspirasi jahat media tertentu oleh pihak tertentu untuk mencemarkan imej Islam, peradaban Islam, gerakan Islam dan umat Islam.
5. Mereka perlu menampilkan asas dan dasar keadilan Islam, pembelaan terhadap hak asasi manusia dan nilai-nilai peradaban tinggi dan mulia yang boleh menjanjikan keamanan dan kedamaian serantau dan sedunia.
6. Mereka wajar mendedahkan tentang keburukan penjajahan dan dasar penjajahan baru; khasnya yang bertopengkan kepada kempen menangani terrorism dan berjubahkan dampak globalisasi untuk menjayakan suatu bentuk hegemoni negara-negara *super power* dan menjelmakan negara mereka sebagai empayar yang menguasai seluruh negara-negara di dunia.
7. Mereka hendaklah menggabungkan diri dengan gerakan menangani globalisasi dalam dampaknya yang negatif seperti I.A.C¹², dan lain-lain, badan NGO'S serantau untuk menentang pengaruh imperialisme baru yang mula menjalar.
8. Golongan ulama perlu memperkasa pegangan umat terhadap akidah dan nilai-nilai budaya Islam. Mereka wajib mempertahankan justifikasi dan dasar pendidikan Islam agar jatidiri umat dan dasar budaya Islam tidak terugat dan terus mendefinisikan sejarah dan tamadun rantau Melayu sebagai rantau Islam.
9. Golongan ulama hendaklah bersikap proaktif untuk mengukuhkan budaya murni dalam lapangan politik, ekonomi, teknologi, informasi dan lain-lain demi menegakkan keadilan dan menyemai kesejahteraan hidup di dalam dan di luar negara.

¹² <http://www.iacenter.org/>

Penutup

Tugas alim ulama' memang terlalu banyak untuk direntang. Apa yang diajukan di atas hanyalah sebahagian dari sekian banyak tugas yang sempat difikir dan dipaparkan dalam masa yang serba terbatas.

Semoga Allah memberi taufiq dan hidayahnya kepada seluruh keluarga Madrasah al-Juneid, mudir, guru-guru, Asalizah, murid dan seluruh petugas dan pekerja yang berkhidmat menatar pendidikan Islam untuk seluruh umat Islam Singapura yang dihormati

Sekian

AGS

5 Julai 2003